# KEBERKESANAN PENDEKATAN *QUANTUM LEARNING* DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN TULISAN ARAB MELAYU

TETY KURMALASARI

Universiti Teknologi Malaysia

KEBERKESANAN PENDEKATAN *QUANTUM LEARNING* DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN TULISAN ARAB MELAYU

TETY KURMALASARI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2016

# DEDIKASI

Karya ilmu ini aku dedikasikan khusus untuk Suamiku; juga Anakku Isti Nuraina Ismail dan Yusuf Hakim yang sentiasa mendoakan limpahan kesejahteraan, ketenangan dan kejayaan buatku.

Buat rakan-rakan seperjuangan daripada program pendoktoran luar negara Pemprov. Kepulauan Riau yang tidak dapat disebutkan namanya satu demi satu, semoga kita semua sentiasa dianugerahkan kesihatan, kecintaan terhadap ilmuserta keberkatan dan kemampuan di dunia dan di akhirat, Amin!

Setinggi penghargaan yang tak henti-hentinya kupersembahkan kepada Gabenor Provinsi Kepulauan Riau, Bupati Bintan, Kepala Dinas Pendidikan Provinsi Kepulauan Riau dan Dinas Pendidikan Kabupaten Bintan tanpa sokongan, kepedulian dan inisiatif kepada pembangunan modal insan darimu, aku tidak dapat meneruskan pendidikan dan mendapatkan kejayaan. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalasnya.

# PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Bin Hamdan yang telah mengorbankan masa dan tenaga untuk memberi bimbingan, pertolongan dan teguran dari peringkat awal penyediaan tesis ini hinggalah ke peringkat akhir. Saya amat menghargai penyeliaan rapi dan sempurna yang telah beliau berikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada dekan, pensyarah-pensyarah dan staf di Fakuli  Pendidikan yang sentiasa memberi bantuan apabila diperlukan.

Jutaan terima kasih kepada  Pemimpin Dinas Pendidikan Provinsi Kepri, Pemimpin Dinas Pendidikan Kabupaten/Kota, Guru Besar  dan Guru Senior  Sekolah Rendah  yang telah memberi kemudahan dan saya ingin merakamkan ucapan  terima kasih terutama kepada  guru guru  dan murid murid yang terlibat langsung dalam  kajian. saya ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih untuk suami dan kedua anak-anak tersayang. Tidak ketinggalan kepada  rakan rakan seperjuangan yang telah memberi sokongan.

# ABSTRAK

Pelbagai usaha untuk meningkatkan pembelajaran tulisan Arab Melayu telah dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Provinsi Kepulauan Riau. Namun begitu, sasaran pencapaian belum berhasil. Pencapaian yang rendah dalam tulisan Arab Melayu merupakan satu cabaran bagi guru-guru tulisan Arab Melayu untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan *Quantum Learning* dalam pembelajaran mata pelajaran tulisan Arab Melayu. Kajian ini juga melihat tahap penguasaan awal membaca, dan mengenal pasti faktor-faktor yang membolehkan murid membaca menggunakan kaedah yang biasa digunakan oleh guru. Kaedah kajian yang digunakan ialah model *concurrent triangulation strategy* iatu kaedah gabungan di antara pendekatan penyelidikan kualititatif dan kuantitatif yang melibatkan kumpulan sampel yang berlainan iaitu murid dan guru. Instrumen kajian merangkumi ujian bacaan lisan teks tulisan Arab Melayu, soal selidik, ujian pra dan pasca, soalan temubual, dan borang pemerhatian. Data kuantitatif telah dianalis menggunakan min, peratusan, kekerapan, sisihan piawai, dan jadual ujian-t, manakala data kualitatif dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Hasil analisis kajian awal menunjukkan kelemahan murid dalam membaca tulisan Arab Melayu kerana kelemahan murid dalam menukarkan perkataan tulisan Arab Melayu kepada Rumi. Ia adalah disebabkan oleh kaedah pembelajaran konvensional dan buku teks yang digunakan pada masa sekarang. Melalui penggunaan pendekatan *Quantum Learning,* kumpulan rawatan didapati mencapai peningkatan dalam min markah yang signifikan berbanding kumpulan kawalan. Manakala hasil temubual menunjukkan maklum balas positif dari guru. Aktiviti murid dalam belajar membaca tulisan Arab Melayu dengan menggunakan pendekatan *Quantum Learning* menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi. Dapatan kajian ini boleh digunakan untuk mengemukakan satu Kerangka Panduan Pembelajaran Tulisan Arab Melayu berasaskan pendekatan *Quantum Learning.*

## ABSTRACT

Riau Archipelago Province Education Department has already conducted various efforts to increase Malay Arabic Writing learning. Nevertheless, the target outcome has not been achieved. The low Malay Arabic writing ability is a challenge for Malay Arabic teachers to upgrade education quality. Therefore, this study has been conducted to identify the effectiveness of Quantum Learning approach in learning Malay Arabic Writing subject. The study also observes the level of early reading and indentified factors which allow students to read using methods used by teachers. The research method used was concurrent triangulation strategy which is a mixed-methods of qualitative and quantitative approaches, involving different sample of students and teachers. The research instruments consist of reading test of Malay Arabic texts, questionnaires, pre and post-tests, interview questions, and observation form. The quantitative data were analyzed using mean, percentage, frequency, standard deviation, and t-test schedule, whereas the qualitative data were analyzed by using thematic analysis. The early findings show that the students' weakness in reading Malay Arabic writing words toward Rumi, due to the weakness in changing Malay Arabic writing to Rumi. This is because of the conventional learning rules and text books. Through the use of the Quantum Learning approach, it was found that the treatment group achieved significant enhancement in the mean marks compared to the treatment group, while the interview result showed positive feedback from teachers. The students' activity in reading the Malay Arabic writing by using the Quantum Learning approach shows high level of effectiveness. This findings can be used to propose a Framework of Malay Arabic Learning Guide based on the Quantum Learning approach.

# ISI KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | | ii |
| | **DEDIKASI** | | iii |
| | **PENGHARGAAN** | | iv |
| | **ABSTRAK** | | v |
| | **ABSTRACT** | | vi |
| | **ISI KANDUNGAN** | | vii |
| | **SENARAI JADUAL** | | xiii |
| | **SENARAI RAJAH** | | xv |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | | xvi |
| | **SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM** | | xvii |
| **1** | **PENDAHULUAN** | | **1** |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 | Pernyataan Masalah | 9 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 11 |
| | 1.5 | Persoalan Kajian | 12 |
| | 1.6 | Hipotesis Nol | 12 |
| | 1.7 | Kepentingan Kajian | 12 |
| | 1.8 | Skop dan Batasan Kajian | 13 |
| | 1.9 | Kerangka Teori Kajian | 14 |
| | 1.10 | Kerangka Konsep Kajian | 16 |
| | 1.11 | Difinisi Istilah | 18 |

1.12 Penutup 21

**2 SOROTAN KAJIAN 22**

2.1 Pengenalan 22

2.2 Polisi Tentang Kurikulum Muatan Tempatan 22

2.3 Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu 24

2.4 Kemampuan Membaca 24

2.5 Kaedah Pengajaran Bacaan Tulisan Arab Melayu 28

2.5.1 Kaedah Abjad 29

2.5.2 Kaedah Kupas Rangkai Suku Kata dan Kaedah Kata Lembaga. 29

2.5.2.1 Kaedah Kupas Rangkai Suku Kata 30

2.5.2.2 Kaedah Kata Lembaga 30

2.5.3 Kaedah Global 30

2.5.4 Kaedah SAS (Struktural Analiik Statistik) 31

2.5.5 Kaedah Gabungan Bunyi dengan Bantuan Huruf Rumi 33

2.6 Teori Pembelajaran Kognitivisme 35

2.7 Teori Pembelajaran Konstruktivisme 37

2.8. Model *Quantum Learning* 38

2.8.1 Sugestologi 40

2.8.2 Gaya Belajar VAK (Visual, Auditori, Kinestetik) 43

2.8.2.1 Modaliti Visual 45

2.8.2.2 Modaliti Auditori 46

2.8.2.3 Modaliti Kinestetik 46

2.8.3 Teknik Hafalan (Mnemonik Akrostik) 47

2.9 Kaitan Antara Visual Dengan Teknik Hafalan (Mnemonik Akrostik) Dalam Membaca Bacaan Tulisan Arab Melayu 48

2.10 Penerapan *Quantum Learning* 49

2.11 Kajian-Kajian Lepas 53

2.11.1 Kajian Dalam Negara 54

2.11.2 Kajian Luar Negara 55

2.12 Penutup 56

**3 METODOLOGI KAJIAN 58**

3.1 Pengenalan 58

3.2 Reka Bentuk Kajian 58

3.2.1. Kajian Awal (Fasa I) 60

3.2.2. Fasa II 62

3.2.3. Fasa III 63

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 69

3.3.1 Pemilihan Sampel Bagi Kajian Rintis 71

3.3.2 Pemilihan Sampel Bagi Kajian Awal/Fasa I 72

3.3.3 Pemilihan Sampel Bagi Kajian Fasa II 72

3.3.4 Pemilihan Sampel Bagi Kajian Fasa III 73

3.4 Instrumen Kajian 74

3.4.1 Instrumen Kajian Awal/Fasa 1 74

3.4.1.1 Ujian Bacaan Tulisan Arab Melayu 75

3.4.1.2. Pemerhatian 76

3.4.1.3. Dokumen 77

3.4.2. Instrumen Kajian Fasa II 77

3.4.3. Instrumen Kajian Fasa III 78

3.4.3.1 Ujian Pra/pos 79

3.4.3.2. Pemerhatian 80

3.5 Kajian Rintis 82

3.5.1. Pelaksanaan Kajian Rintis 82

3.5.2. Dapatan Kajian Rintis 84

3.5.2.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soalan 84

3.5.2.2. Keesahan dan Kebolehpercayaan Ujian Pra/Pos 85

3.5.3 Kesahan Soal Temu bual 87

3.6 Prosedur Kajian 88

3.7 Analisis Data 90

3.7.1.Analisis Data Kuantitatif 90

3.7.2. Analisis Data Kualitatif 91

3.7.2.1. Peringkat Transkripsi Data 92

3.7.2.2. Peringkat Organisasi Data 92

3.7.2.3 Peringkat Pelaziman Data 93

3.7.2.4.Peringkat Koding 93
3.7.2.5 Peringkat Tema 96
3.7.2.6 Penetapan Kod 96
3.7.3 Analisis Dokumen 97
3.7.4 Triangulasi Data Kuantitatif dan Kualitatif 97
3.8 Penutup 98

**4 DAPATAN KAJIAN 100**

4.1 Pengenalan 100
4.2 Demografi Responden 101
4.3 Pencapaian Penguasaan Awal Membaca Bacaan Teks Tulisan Arab Melayu Di Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah 103
4.4 Faktor Yang Mempengaruhi Pembacaan Tulisan Arab Melayu 104
4.4.1 Faktor Dalaman 105
4.4.2 Faktor Luaran 109
4.5 Catatan Guru 113
4.5.1 Fakttor Dalaman 113
4.5.2 Faktor Luaran 114
4.6 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran 117
4.6.1 Kemahiran Asas Membaca Tulisan Arab Melayu 118
4.6.2 Kaedah Pengajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tulisan Arab Melayu 122
4.6.3 Alat Bantu Mengajar 124
4.6.4 Isu Pembelajaran Tulisan Arab Melayu 124
4.6.5 Masalah Utama Pembelajaran Tulisan Arab Melayu 125
4.6.6 Faktor Yang Mempengaruhi Membaca Tulisan Arab Melayu 126
4.6.7 Pandangan Mengenai Metode *Quantum Learning* 127
4.7 Perbezaan Pencapaian Ujian Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu Sebelum dan Selepas Penggunaan Pendekatan *Quantum Learning* 129
4.7.1 Pencapaian Murid Dalam Ujian Pra dan Pos Secara

Keseluruhan 129
4.7.2 Pencapaian Murid Dalam Ujian Pra dan Pos 134
4.8 Aktiviti Murid Belajar Membaca Bacaan Tulisan Arab Melayu Dengan Menggunakan Pendekatan *Quantum Learning* 138
4.8.1 Pertemuan ke-1 (pertama) 138
4.8.2 Pertemuan ke-2 (kedua) 140
4.8.3 Pertemuan ke-3 (ketiga) 142
4.8.4 Pertemuan ke-4 (keempat) 143
4.9 Penutup 145

**5 PERBINCANGAN, DAN IMPLIKASI 146**

5.1 Pengenalan 146
5.2 Rumusan Dapatan 146
5.2.1 Penguasaan Murid Sekolah Rendah Membaca Tulisan Arab Melayu 147
5.2.2 Faktor Yang Membolehkan Murid Membaca Bacaan Tulisan Arab Melayu 148
5.2.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu Yang Biasa Dilakukan 148
5.2.4 Pencapaian Murid Menggunakan Pendekatan *Quantum Learning* 149
5.2.5 Aktiviti Belajar Membaca Bacaan Tulisan Arab Melayu 150
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 150
5.3.1 Tahap Penguasaan Tulisan Arab Melayu 150
5.3.2 Faktor Yang Membolehkan Murid Membaca Tulisan Arab Melayu 152
5.3.2.1 Murid 152
5.3.2.2 Guru 155
5.3.3 Kaedah Pengajaran Membaca Tulisan Arab Melayu 156
5.3.4 Keberkesanan Pendekatan *Quantum Learning* 159
5.3.5 Aktiviti Murid Semasa Belajar Tulisan Arab

Melayu Dengan Menggunakan Pendekatan *Quantum Learning* 169

5.3.6. Kerangka Panduan Pembelajaran Tulisan Arab Melayu Berdasarkan Pendekatan *Quantum Learning* Untuk Murid Sekolah Rendah 162

5.4 Implikasi Kajian 167

5.4.1 Kemampuan Membaca Tulisan Arab Melayu Di Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah 167

5.4.2 Peranan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Tulisan Arab Melayu 168

5.4.3 Perancang Kurikulum Muatan Tempatan Dinas Pendidikan Provinsi Kepulauan Riau 169

5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan 169

5.6 Penutup 170

**RUJUKAN** **173**

**Lampiran A-G** **192–225**

# SENARAI JADUAL


| NO.JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1.1 | Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu | 4 |
| 3.1 | Persampelan Kajian | 71 |
| 3.2 | Instrumen-instrumen Kajian Awal | 75 |
| 3.3 | Jadual Penilaian Ujian Bacaan Tulisan Arab Melayu | 75 |
| 3.4 | Contoh Nota Pemerhatian | 76 |
| 3.5 | Contoh catatan Guru | 77 |
| 3.6 | Item Ujian Pra/Pos | 79 |
| 3.7 | Aras Kesukaran Item Untuk Ujian Pra dan Ujian Pos | 80 |
| 3.8 | Pemarkahan item-item Skala Likert | 81 |
| 3.9 | Borang Pemerhatian | 81 |
| 3.10 | Keesahan Instrumen Soalan Ujian Pra/Pos | 85 |
| 3.11 | Indek Kesukaran | 85 |
| 3.12 | Hasil Indeks Kesukaran | 86 |
| 3.13 | Indek Diskriminasi Dan Aras Diskriminasi Piawai | 86 |
| 3.14 | Hasil Indeks Diskriminasi Sekolah Satu Atap Dompak | 86 |
| 3.15 | Hasil Indek Kesukaran dan Diskriminasi | 87 |
| 3.16 | Keesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 88 |
| 3.17 | Analisis Data | 90 |
| 3.18 | Interprestasi Julat Mini | 91 |
| 3.19 | Contoh Transkripsi Dokumen dan Pengekodan Terbuka | 95 |
| 4.1 | Taburan Demografi Guru | 102 |
| 4.2 | Taburan Pengalaman Mengajar Guru | 102 |
| 4.3 | Taburan Sekolah dan Bilangan Murid Sekolah Rendah | 103 |

| | | |
|---|---|---|
| 4.4 | Pencapaian Tahap Penguasaan Membaca Tulisan Arab Melayu | 104 |
| 4.5 | Taburan Markah Ujian Pencapaian Pra dan Pos Bagi Kumpulan Rawatan Dan Kawalan | 130 |
| 4.6 | Perbandingan Pencapaian Kawalan dan Rawatan | 131 |
| 4.7 | Statistik Deskriptif Untuk Skor Min Ujian Pra | 132 |
| 4.8 | Keputusan Ujian-t Bagi Ujian Pra | 132 |
| 4.9 | Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov Bagi Ujian Pra | 133 |
| 4.10 | Keputusan Ujian-t Markah Ujian Pos Bagi Kumpulan Rawatan | 133 |
| 4.11 | Keputusan ANOVA Untuk Menentukan Kesan Pendekatan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Tulisan Arab Melayu | 134 |
| 4.12 | Perbandingan Soalan 1-17 | 135 |
| 4.13 | Perbandingan Soalan 18-28 | 136 |
| 4.14 | Perbandingan Soalan 29-35 | 137 |
| 4.15 | Skor Aktiviti Murid Pada Pertemuan Ke-1 (pertama) | 140 |
| 4.16 | Skor Aktiviti Murid Pada Pertemuan Ke-2 (kedua) | 141 |
| 4.17 | Skor Aktiviti Murid Pada Pertemuan Ke-3 (ketiga) | 142 |
| 4.18 | Skor Aktiviti Murid Pada Pertemuan Ke-4 (keempat) | 144 |
| 4.19 | Skor Min dan Piawai Bagi Aktiviti Murid | 144 |

# SENARAI RAJAH


| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Teori Kajian | 15 |
| 1.1 | Kerangka Konsep | 17 |
| 3.1 | Proses Penyelidikan Model Concurrent Triangulation | 59 |
| 3.2 | Rekabentuk Pelaksanaan Kajian | 64 |
| 3.3 | Rekabentuk Kajian Kuasi-Eksperimen | 65 |
| 3.4 | Kerangka Kerja Kajian | 68 |
| 3.5 | Prosedur Kajian | 89 |
| 3.6 | Pemerosesan Data-data Kualitatif | 92 |
| 3.7 | Prosedur Pengecilan Data Kualitatif | 94 |
| 3.8 | Contoh Sistem Pengkodan Data Temu Bual | 96 |
| 3.9 | Sistem Pengkodan Data Pendomumen | 97 |
| 3.10 | Kaedah Triangulasi Data | 98 |
| 3.11 | Kaedah Triangulasi Penyiasatan | 98 |
| 4.1 | Lengkungan Normal Pada Histogram | 131 |
| 5.1 | Peta Minda Menunjukkan Faktor-Faktor Semasa Membaca Tulisan Arab Melayu | 153 |
| 5.2 | Kerangka Modul Panduan Belajar Tulisan Arab Melayu Berdasarkan Model Pendekatan *Quantum Learning* | 153 |

# SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A | Teks Bacaan Tulisan Arab Melayu | 191 |
| B | Protokol dan Panduan Temu Bual | 193 |
| C | Ujian Pencapaian Pra/Pos | 195 |
| D | Borang Pemerhatian Aktiviti | 204 |
| E | Rencana Pelaksanaan Pembelajaran | 205 |
| F | Borang Pengesahan Instrumen Kajian | 222 |
| G | Rekap Nilai Pelaksanaan Pembelajaran | 224 |
| H | Surat Keterangan Melaksanakan Penyelidikan | 225 |

## SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM

| | | |
|---|---|---|
| Depdikbud | - | Dinas Pendidikan dan Kebudayaan |
| FKIP | - | Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan |
| KTSP | - | Kurikulum Tingkat  Satuan Pendidikan |
| IKIP | - | Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan |
| PQL | - | Pembelajaran *Quantum Learning* |
| TAM | - | Tulisan Arab Melayu |
| RPP | - | Rencana Pengajaran dan Pembelajaran |
| SMA | - | Sekolah Menengah Atas |
| SMAN | - | Sekolah Menengah Atas Negeri |
| SMK | - | Sekolah Menengah Kejuruan |
| SMP | - | Sekolah Menengah Pertama |
| SD | - | Sekolah Dasar |
| SNMPTN | - | Seleksi Nasional Masuk Perguruan Tinggi Negeri |
| SAS | - | Struktur  Analisis Sintetik |
| UNRI | - | Universitas Riau |
| UI | - | Universitas Indonesia |
| UMRAH | - | Universitas Maritim Raja Ali Haji |
| VAK | - | *Visual, Auditori, Kinestetik* |
| WIB | - | Waktu Indonesia Barat |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan

Tulisan/huruf Arab Melayu yang turut dikenali sebagai aksara Jawi (Noriah, 1999) adalah salah satu seni penulisan dan merupakan tulisan warisan bangsa Melayu yang telah wujud berabad-abad lamanya di Nusantara. Ini terbukti dengan penemuan batu bersurat dan lain-lain peninggalan sejarah di Kepulauan Melayuyang jelas menunjukkan bahawa orang-orang Melayu telah menggunakan tulisan Arab Melayu dalam tulisan (Abdul Hamid, 1972), pengaruhnya begitu meluas keseluruh Nusantara yang bermula di Kedah, seterusnya di Vietnam, Pahang, Brunei, Jawa Timur dan di Terengganu (Nurazmi Kuntum, 2004). Tulisan Arab Melayu berjaya mempersatukan Indonesia yang bersuku bangsa (Pluralisme) (Suryamachnizon, 2012).

Tulisan Arab Melayu perlu dipertahankan, kerana memandangkan sistem tulisan ini pernah menjadi wadah perhubungan utama masyarakat di seluruh kepulauan Nusantara (Muhammad Bukhari Lubis, 2006). Tulisan Arab Melayu merupakan tulisan terawal ditemui, sejak kedatangan Islam. Bukan hanya agama dan kepercayaan masyarakat di Kepulauan Melayu berubah (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1969), tetapi aspek-aspek budaya iaitu tulisan tersebut berjaya membentuk konsep bangsa yang memiliki identiti (M. Bukhari Lubis, 2006). Perkembangan tulisan Arab Melayu sejalan dengan perkembangan institusi sekolah yan mempercepat lagi proses penyebaran ilmu dan pembasmian golongan buta huruf penduduk tempatan dan akhirnya telah diterima sebagai tulisan umat Islam.

Di Provinsi Kepulauan Riau (Indonesia), tulisan Arab Melayu merupakan mata pelajaran wajib tempatan dan ianya merupakan mata pelajaran yang berdiri sendiri, mulai diajar dari darjah tiga sampai darjah enam. Mata pelajaran ini diperuntukkan 90 minit seminggu (Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, 1994). Sukatan pelajaran dengan tujuan untuk memahirkan murid-murid menulis dan membaca tulisan Arab Melayu. “Latihan menulis dan membaca hendaklah diadakan dari semasa ke semasa dengan memasukkan bahan dalam bahagian dan kefahaman serta karangan” (Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, 1994).

Sungguhpun pelajaran tulisan Arab Melayu telah diajar secara formal tetapi penguasaan tulisan Arab Melayu oleh sebahagian murid semakin merosot (Aziah, 2000). Nasir (2005) mendapati dalam kajiannya, dimana 65.13 sahaja murid-murid sekolah menengah pertama kelas II di Tanjung Pinang (Provinsi Kepulauan Riau-Indonesia) boleh menguasai tulisan Arab Melayu yang terdapat dalam Hikayat Baktiar pada peringkat cukup. Kenyataan ini terjadi kerana peranan tulisan Arab Melayu mulai beransur-ansur diambil alih oleh tulisan Rumi (Mahpol, 2002). Tanpa disedari tulisan Arab Melayu semakin memudar disemua peringkat pendidikan, hinggalah kepada masalah ketidak seragaman kaedah mengeja tulisan Arab Melayu dan mengelirukan dalam pengajaran dan pembelajaran (Suryamachnizon, 2012).

Melalui pelajaran tulisan Arab Melayu (Kurikulum Muatan Tempatan) yang sedang dilaksanaka sekarang, murid-murid diharapkan boleh menguasai membaca bacaan tulisan Arab Melayu dengan baik sebagaimana mereka boleh membaca bentuk rumi dengan baik. Bagi memenuhi kehendak ini tidak semudah yang dibayangkan kerana proses pembelajaran membaca dan menulis Arab Melayu berbeza dengan membaca dan menulis huruf rumi. Perbezaan itu terlihat pada tulisan dibaca dan ditulis dari kanan ke kiri, sedangkan pada huruf rumi baik membaca maupun menuliskannya dimulai dari kiri ke kanan. Kenyataan ini disokong dengan adanya Teori Surana (1982) menyatakan, ”Huruf-huruf Arab atau tulisan Arab dibaca dan dituliskan dari kanan ke kiri, kebalikan dari membaca dan menulis huruf Rumi”. Oleh yang demikian membaca tulisan Arab Melayu adalah satu proses yang kompleks dan bukan bersifat automatik (Khazriyati Salehuddin, 2012). Menurut Gagne *et.al* (1998), lebih baik sekiranya bahan-bahan pengajaran dibina dan dipilih sendiri oleh guru bagi memudahkan penyesuaian antara bahan pengajaran dan objektif-objektif pengajaran berlaku. Namun,

kebanyakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan panduan seperti buku teks dan sebagainya merupakan bahan-bahan pengajaran siap sedia. Akibatnya masalah pembelajaran tulisan Arab Melayu berterusan dari semasa ke semasa. Kenyataan ini mendorong penyelidik untuk mencuba satu pendekatan atau kaedah lain atau kaedah yang senang dalam mempelajari tulisan Arab Melayu. Kaedah tersebut ialah Kaedah *Quantum Learning* yang digubal oleh Deporter (2002). Penggabung jalinan pemberian saranan, teknik simbol dengan bantuan huruf rumi dihubungkaitkan dengan imej dalam bentuk visual dan memaksimumkan modaliti otak akan membantu murid mengingat tulisan Arab Melayu dengan cepat dan mudah semasa pembelajaran tulisan Arab Melayu.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Tulisan Arab Melayu telah dipinjam oleh orang Melayu dari huruf Arab yang terdiri dari 28 huruf (alif sampai ya ‘ - ) dari jumlah itu, 15 huruf Arab yang dipakai untuk ejaaan Arab Melayu dan lima huruf yang bukan huruf Arab, diubah suai mengikut lidah orang Melayu. Pengubahsuai ini dilakukan bagi memudahkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya dalam tulisan huruf Ga ( ) diperkenalkan dengan berasaskan bunyi Kaf ( ) dan Jim ( ), serta tulisan huruf Cha ( ) berasaskan bunyi huruf Ta ( ) dan Jim ( ) (Syed Muhammad Naquib Al- Atas, 1990). Oleh yang demikian, untuk dapat membaca tulisan Arab Melayu tidak semudah yang dibayangkan kerana murid hendaklah memiliki pengetahuan tulisan Arab Melayu sekurang-kurangnya 48 kaedah tulisan Arab Melayu (Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, 1994) ini berfungsi sebagai pembuka jalan seseorang untuk lancar membaca tulisan Arab Melayu.

Bagi masyarakat Melayu Provinsi Riau dan Kepulauan Riau, tulisan Arab Melayu merupakan salah satu khazanah kebudayaan yang bernilai tinggi. Menurut Pujiati (2012) bahawa tulisan Arab Melayu baik secara lisan maupun tulisan sudah mulai dilupakan. Tulisan Arab Melayu hanya difahami oleh generasi yang berpendidikan sebelum tahun 70-an (Fadilah Om, 1998). Jika kenyataan ini dibiarkan terus menerus, maka tidak mustahil tulisan Arab Melayu hanya akan tinggal menjadi sejarah yang dilupakan oleh generasi yang akan datang. Salah satu usaha untuk

mengembalikan kegemilangan dan membudayakan penggunaan pelajaran tulisan Arab Melayu di peringkat sekolah rendah khasnya dan dalam kalangan masyarakat amnya, Departemen Pendidikan telah mengedarkan surat pekeliling (No 24. KPTS/KEP/P/1994 bertarikh 18 Mac 1994) kepada semua Kantor Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Kabupaten, Kota Madya seluruh Provinsi Riau untuk memaklumkan tentang pelaksanaan penerapan kurikulum muatan tempatan di Sekolah Rendah (Departemen Pendidikan Provinsi Riau, 1994). Dalam kurikulum tersebut, tulisan Arab Melayu telah diberi tempat semula melalui sistem pendidikan formal dan diajarkan dalam mata pelajaran yang berdiri sendiri.

Sejak diperkenalkan kurikulum program pelajaran tulisan Arab Melayu di peringkat sekolah rendah, purata pencapaian mata pelajaran tulisan Arab Melayu masih rendah. Nilai pencapaian mata pelajaran tulisan Arab Melayu bagi murid darjah lima di SDN 003, Mantang, Bintan, Kepulauan Riau (Indonesia) dapat dilihat pada Jadual 1.1 dibawah ini.

**Jadual 1.1:** Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu
Dari Tahun Pelajaran 2008 hingga Tahun Pelajaran 2012

| No | Tahun Pelajaran | Purata Markah (%) | |
|---|---|---|---|
| | | Semester I | Semester II |
| 1 | 2008/2009 | 66.90 | 69.40 |
| 2 | 2009/2010 | 69.40 | 69.40 |
| 3 | 2010/2011 | 66.80 | 70.90 |
| 4 | 2011/2012 | 69.40 | 69.10 |

Sumber : Data Olahan Bagi Mata Pelajaran Tulisan Arab Melayu, SDN 003 Mantang, Bintan, Kepulauan Riau (Indonesia), 2008-2012

Kesimpulannya, walaupun pada semester II tahun 2010/20110 min purata murid mencapai keputusan baik (70.90), analisis pencapaian murid secara keseluruhan menunjukkan pencapaian mata pelajaran tulisan Arab Melayu di SDN 003 Mantang, Bintan, Kepulauan Riau (Indonesia) kurang memuaskan. Fenomen iin inmembayangkan bahawa penguasaan tulisan Arab Melayu murid adalah lemah dan tidak kukuh.

Dari hasil temu bual dengan salah seorang guru yang mengajar mata pelajaran tulisan Arab Melayu, Ibu Maisalindrawati guru SDN 003 Mantang Baru Kabupaten

Bintan pada bulan April 2012 mengatakan bahawa masalah penguasaan membaca bacaan tulisan Arab Melayu perlu diatasi dengan segera kerana bahasa tulisan Arab Melayu adalah bahasa Al-Quran, bila ia tidak ditangani, ia akan menyebabkan tidak celik Al-Quran seterusnya menyukarkan murid dalam hafazan. Oleh itu guru khasnya guru pelajaran tulisan Arab Melayu disarankan supaya mengajarkan membaca dengan menghafaz huruf abjad tulisan Arab Melayu sebagai panduan membaca teks tulisan Arab Melayu. Walaupun di Indonesia saat ini, untuk menjadi seorang yang celik bahasa, murid-murid itu lazimnya diajar untuk membaca bahasa Indonesia dalam tulisan Rumi namun demikian membaca tulisan Arab Melayu perlu didedahkan bermula dari pendidikan sekolah rendah. Pengajaran bahasa lisan, penguasaan kaedah atau tata cara membaca, penguasaan semua bentuk perubahan huruf dan kefahaman mendengar yang perlu ditekankan dalam belajar tulisan Arab Melayu.

Arshad (2006) mengatakan bahawa murid dalam kategori lemah membaca dilabelkan sebagai murid yang gagal untuk menyediakan otak mereka dalam menguasai prinsip asas abjad untuk menjadi seorang pembaca yang mahir. Pada umumnya membaca merupakan proses menggarap simbol tulisan dan pengetahuan mengenal huruf ke dalam bentuk bacaan bersuara. Oleh kerana itu, membaca tidak sahaja melafazkan tulisan, tetapi juga berkaitan dengan aktiviti visual, berfikir, psikolinguistik, kognitif dan metakognitif. proses berfikir merupakan aktiviti pengenalan kata, kefahaman literal, interpretasi, membaca kritis dan kefahaman kreatif. Pengenalan kata dapat berupa aktiviti membaca kata-kata dengan menggunakan kamus (Crawley & Mountain, 1995).

Dalam hal ini, bagi negara Indonesia khasnya Provinsi Kepulauan Riau tidak banyak pendedahan tentang masalah membaca tulisan Arab Melayu ditulis. Pada tahun 2001 kajian Siti Aisyah menunjukkan bahawa masih terdapat sebahagian murid kelas II Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama Langgam Kabupaten Pelalawan Pekanbaru yang belum lancar membaca tulisan Arab Melayu. Sementara itu, pada tahun (2012) kajian oleh Riky Hermanda *et al.* mendedahkan seramai 41 orang mahasiswa Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau kemampuan membaca pemahaman wacana Arab Melayu berkategori rendah dengan purata 58.30. Beliau mengaitkan masalah ini dengan beberapa perkara antaranya, kurangnya penguasaan keterampilan berbahasa serta kurangnya motivasi dan minat mahasiswa dalam mempelajari Arab Melayu yang hanya dipelajari sekali selama

masa perkuliahan.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi membaca antaranya ialah keupayaan mata, telinga, beserta otak dengan syaraf-syarafnya (Bannatyne, 1976), keupayaan informasi visual (huruf) dan informasi non visual (pengetahuan) (Smith, 1985), dan perbendaharaan kata atau kosa kata (Quellette, 2006). Selain itu penggunaan kaedah, strategi atau teknik yang sesuai (Wiseman, 2007) juga penting kerana ia boleh meningkatkan murid dalam penguasaan membaca tulisan Arab Melayu.

Berdasarkan data daripada Suryamachnizon (2012) wujudnya masalah murid yang tidak menguasai membaca tulisan Arab Melayu. Namun begitu, pihak Dinas Pendidikan Kota Batam, Indonesia percaya bahawa masalah ini boleh diatasi melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu (Dinas Pendidikan Kota Batam, 2012). Oleh yang demikian, keupayaan kreativiti guru dalam pengajaran juga diupayakan. Hal ini pastinya mencabar guru untuk terus menerokai, menguasai kandungan dan juga cara pengajarannya di dalam bilik darjah.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merupakan faktor yang penting untuk menentukan kebolehan membaca dan menulis tulisan Arab Melayu (Maimun Aqsha, 2003). Amalan yang biasa yang sering dilakukan oleh guru ialah guru lebih sering menggunakan cara dan kaedah mereka sendiri, bila guru lebih sering menggunakan kaedah mereka sendiri dalam melaksanakan pengajarannya, maka tujuan pengajaran menurut kurikulum yang berlaku tidak sepenuh tercapai (Ishaq, 1988). Hal ini akan menyebabkan timbulnya rasa bosan, kurang menarik dan sukar mencapai matlamat (Hidayanto, 1998). Kang Kyoung Seok (1990) mencadangkan supaya difikirkan satu cara atau kaedah yang senang untuk mempelajari tulisan Arab Melayu, Ini sejalan dengan pendapat Ab Halim (2003) terdapat pelbagai kaedah dan strategi pengajaran yang dapat digunakan oleh guru. Waulaupun terdapat pelbagai kaedah dan strategi pengajaran tetapi menurut Herman (2006) bahawa pendekatan pengajaran yang selalu dilaksanakan ialah kaedah konvensional atau kaedah penerangan yang dianggap paling mudah dan ringkas Dengan ini menyebabkan mereka kurang memikirkan dan membuat persiapan rapi untuk pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian daripada Prasetyo *et al.*(2008) didapati bahawa 57.30 % guru-guru dibebani dengan tugas pentadbiran yang berat.

Kenyataani ini disahkan dengan kajian yang dijalankan oleh Tety (1998) masalah pembelajaran dalam tulisan Arab Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah berhubung rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran tulisan Arab Melayu. Berikutan itu, kajian terbaru Maimun Aqsha *et al.*(2012) dalam pengajaran pembelajaran pelajaran tulisan Arab Melayu yang menarik dan menyeronokkan dapat menunjukkan secara signifikan bahawa murid berminat untuk mempelajari tulisan Arab Melayu. Sementara itu dapatan kajian oleh Dalilah (2003) mendapati kemahiran murid dalam menulis tulisan Arab Melayu dapat ditingkatkan bila guru menggunakan kaedah yang sesuai dengan tahap murid. Oleh itu, guru disarankan supaya mengajar membaca tulisan Arab Melayu di sekolah rendah menggunakan kaedah yang sesuai dengan karakter murid di kelas.

Mohd Razi (2002) dan Affandi (2006) menyatakan guru lebih suka menggunakan buku teks dan bahan bercetak sebagai bahan pengajaran. Oleh itu, guru perlu kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan bahan bantu mengajar tidak tertumpu kepada buku teks. Hasil kajian Nurul Ezzati Azizi *et al.*(2011) mendapati 74.70% bahan bantu mengajar mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu bahan bantu yang menarik dengan menyatukan modaliti (audio, visual, dan kinestik) lebih diterima daripada buku teks. Ambarwati (2006) menyatakan murid-murid sungguh bersemangat dalam setiap pengajaran yang dipersembahkan dalam bentuk bergambar mahupun poster.

Proses pengajaran pembelajaran berpusatkan guru dan bertumpu kepada buku teks perlu diperbaiki (kemendikbud, 2012). Hal ini disokong oleh Frosting & Maslow (1973) apabila murid menjadi tumpuan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, justeru itu kaedah pengajaran dan interaksi kelas yang aktif bagi meningkatkan pembelajaran yang lebih berkesan dan efisien. Untuk menyediakan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat melibatkan agar murid sentiasa aktif dan berfikir, lingkungan yang positif, keamanan, kegembiraan, kebersamaan merupakan satu proses yang sukar dilaksanakan di dalam bilik darjah. Murid yang memiliki ragam dan gaya belajar yang berbeza. Oleh itu, pendekatan *Quantum Learning* merupakan satu pembelajaran yang dapat menutup kekurangan dalam gaya masing masing murid dalam belajar dan tidak dominan pada satu gaya belajar.

Murid-murid sekolah rendah dalam belajar tidak diberi peluang untuk mengembangkan gaya belajar yang mereka miliki. Guru-guru pula lebih menekankan aktiviti terarah dan hendaklah lebih menjurus kepada memaksimumkan potensi murid, iaitu dengan memadukan audio, visual dan intelektual (Meier, 2000). Sementara itu Buzan (2006) merumuskan bahawa murid mempunyai kecekapan dalam mengingat bila informasi di sajikan dalam bentuk gambar, simbol, suara kerana sikap semula jadi murid meneroka apa yang sedang dipelajari dengan apa yang telah diketahui.

Lorayne dan Lucas (1994) menyarankan bagaimana membantu murid murid mengingat simbol-simbol semasa mereka membaca iaitu dengan mengaitkan sesuatu dengan sesuatu yang telah diketahui atau ingat. Mengingat simbol-simbol huruf juga boleh terbentuk melalui perkaitan antara visual dengan huruf bercetak atau pun simbol yang diteliti di persekitaran murid merupakan strategi yang berkesan dalam memperoleh kemahiran membaca (Naimah *et al*. 2011).

Lozanov didalam Deporer (1999) menyatakan bahawa sesuatu pembelajaran kuantum perlu memanfaatkan cara berfikir dua belahan otak “kiri” dan “kanan”. Kajian yang dibuat oleh Nurhasana dan Kusnandar (2006) telah menggabungkan modalitas otak dan teknik cantol/simbolik dalam pembelajaran membaca yang dikenali dengan metod Cantol Raudah dan beliau telah menggunakan metod ini untuk murid-murid tadika. Teknik simbolik/cantol raodah memainkan peranan penting untuk memudahkan murid dalam mengingat simbol-simbol huruf dan dengan mudah dapat membaca dengan lancar. Sehubungan dengan itu sebelum mengingat hendaklah memberi perhatian kepada otak supaya memberi perhatin ke atas sesuatu yang hendak diingat. ‘Peninjauan adalah perlu untuk mendapatkan kesedaran/ kesedian yang tepat’ (Lorayne & Lucas, 1974). Proses mengingat murid juga boleh terbentuk dengan penggunaan modaliti visual, auditorial dan kinestetik merupakan cara dimana otak dapat mudah menyerap informasi (De Porter & Hernacki, 1999). Dalam kajian ini peneliti akan menggunakan sugesti, modaliti otak, dan teknik simbol yang dikemukakan oleh De Porter dalam *Quantum Learning* dengan sedikit modifikasi bagi murid-murid sekolah rendah, Menurut beliau teknik simbol yang dikembangkan oleh pendekatan *Quantum Learning* telahpun dicuba di *supercamp* dan hasilnya sangat menggalakkan murid menghafal dan membaca cepat.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran tulisan Arab Melayu menyediakan peluang kepada murid untuk dapat membaca , dan ini perlu dilakukan kerana merupakan konsep azas untuk menguasai dan memudahkan membaca tulisan Arab Melayu (Jemakmun, 2006). Pernyataan ini pula selaras dengan tujuan pembelajaran mata pelajaran tulisan Arab Melayu, iaitu untuk memahirkan murid-murid menulis dan membaca tulisan Arab Melayu (Depdikbud, 1994). Untuk mencapai tujuan tersebut memang memerlukan kemahiran yang pelbagai. Ini dikeranakan banyak faktor yang menyumbang murid dapat membaca (seperti keupayaan kognitif, kemampuan linguistik, motivasi dan kaedah pengajaran). Kesemua faktor dapat memperkukuh konsep azas membaca tulisan Arab Melayu murid.

Namun kenyataannya, pembelajaran membaca tulisan Arab Melayu di peringkat awal murid merupakan satu proses yang sukar untuk dikuasai, dilaksanakan dan suatu tugas yang mencabar kerana penekanan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh di dalam kelas tulisan Arab Melayu masih berterusan (Akmariah, 2010). Jika murid hanya mengingat ucapan guru tanpa memperhatikan rangkaian huruf yang ada, mereka akan ketinggalan dengan rakan-rakan yang lain (Mulyadi, 2009).

Dalam pengajaran dan pembelajaran membaca tulisan Arab Melayu, guru selalu bergantung kepada buku teks dan *chalk and talk* , dan tidak membangun potensi kognitif murid (Norhazrin, 2003). Akibatnya, murid kurang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana pendekatan yang berpusatkan pada guru. Selain maklum balas dalam bentuk yang diharapkan oleh guru, ini adalah punca ketidak berhasilan murid (Suprijono, 2009).

Padahal, pengkaji Widyana (2006) menyatakan bahawa faktor-faktor kognitif seperti persepsi visual, memori kerja, memori jangka pendek, pengetahuan semantik, kesadaran fonologis dan metakognisi dan faktor-faktor lain seperti gerakan mata saat membaca, latihan, motivasi, pola kebiasaan membaca dalam keluarga, serta kaedah pengajaran membaca disekolah merupakan satu cara bagi meningkatkan kuasa tulisan Arab Melayu murid. Ini pula telah dipertegas oleh Rifa'i dan Anni (2011) dan Slameto (2010) yang menyatakan bahawa faktor dari dalam dan dari luar diri murid yang

mempengaruhi belajar membaca, tidak hanya berkemungkinan untuk memupuk kefahaman murid memahami bentuk dan pelafalan tulisan Arab Melayu, tetapi juga untuk memupuk kesiapan murid dalam menerima pelajaran lebih maksimum. Kajian lain juga telah menunjukkan bahawa apabila membaca, melibatkan aspek kognitif yang merupakan suatu peristiwa dalaman murid yang memerlukan rangsangan daripada peristiwa luaran yang diperlukan untuk memproses dan memahami simbol-simbol huruf yang tersaji dalam bahasa tulis (Yeti Mulyati, 2011).

Seterusnya Peranan kognitif dalam proses membaca tulisan Arab Melayu telah didemonstrasikan oleh pengkaji (Khazriyati, 2012). Pembelajaran tulisan Arab Melayu menghendaki para murid untuk menggunakan proses kognitif. Supaya murid boleh menggunakan proses kognitif ini maka perkembangan kognitif perlu dihadirkan (Nelson, 2012). Perkembangan kognitif tidak terlepas dari pengaruh perkembangan struktur dan fungsi kognitif sepanjang waktu (Garton, 2004; Bjorklund, 2005). Memahami dan mengawal proses kognitif boleh jadi satu kemahiran yang paling penting dalam membaca tulisan Arab Melayu sehingga guru-guru boleh membantu murid untuk membangunkannya. Oleh yang demikian, kajian yang lebih empirikal diperlukan untuk menunjukkan apa-apa kesan sebenar (Cai *et al*., 2013).

Berdasarkan maklumat diatas, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan *Quantum Learning* dalam pembelajaran mata pelajaran tulisan Arab Melayu. Pengajaran dengan menggunakan pendekatan Q*uantum Learning* dicadangkan oleh Bobby Deporter (1999) sebagai suatu kaedah yang cuba menggabungkan peningkatan multi sensori dan multi kecerdasan dengan otak yang membantu meningkatkan pencapaian murid. Dalam kaedah ini teknik simbol dibantu dengan tulisan rumi dihubungkaitkan dengan imej visual merupakan salah satu teknik membaca. Teknik ini sejalan dengan kerja otak yang mengolah informasi atau idea yang diterima oleh deria melalui citra visual, grafik dan warna-warna. Seifert (1993) dan Schumaker *et al.* (1993) mengemukakan hasil penelitian mereka, bahawa latihan membentuk gambaran visual boleh meningkatkan daya ingatan murid-murid semasa membaca teks mudah. Visualisasi ini berkait erat dengan membaca. Membaca dan menulis bererti memperkerjakan dua belahan otak iaitu otak kanan dan otak kiri (Hernowo, 2001).

Faktor suggestologi, memaksimalkan modaliti otak, teknik simbolik yang disediakan oleh pendekatan *quantum learning* adalah merupakan faktor mengapa pendekatan ini berkesan dalam menyampaikan pembelajaran tulisan Arab Melayu (membaca) kerana ia melibatkan interaksi murid dengan isi pelajaran (Bobby De Porter & Mike Hernacki, 1999). Ciri lainnya pendekatan ini dapat meningkatkan kosentrasi ketika belajar. Sugestologi ini adalah unjuran daripada kajian Georgi Lozanov didalam Bobby De Porter & Mike Hernacki (1999) yang mengenal pasti bahawa pemberian sugesti positif maupun negatif akan meningkatkan hasil belajar. Sehubungan itu, penyelidik telah menghasilkan satu kerangka modul panduan pembelajaran tulisan Arab Melayu berdasarkan pendekatan *Quantum Learning* untuk murid sekolah rendah.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini ialah :

1. Mengenal pasti tahap penguasaan awal bacaan Teks tulisan Arab Melayu (aspek membaca) yang sedia ada pada murid sekolah rendah .
2. Mengenal pasti faktor keupayaan membaca bacaan teks tulisan Arab Melayu yang terdapat pada diri murid sekolah rendah.
3. Mengenal pasti kaedah pengajaran yang disediakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan Arab Melayu (aspek membaca).
4. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pencapaian murid diantara kumpulan rawatan dan kawalan.
5. Mengenal pasti penguasaan membaca bacaan tulisan Arab Melayu berdasarkan katogori diantara kumpulan rawatan dan kawalan.
6. Mengenal pasti aktiviti murid belajar membaca bacaan tulisan Arab Melayu dengan menggunakan pendekatan *Quantum Learning.*
7. Menghasilkan Kerangka Panduan Pembelajaran Tulisan Arab Melayu Berdasarkan Pendekatan *Quantum Learning.*

## 1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah pencapaian tahap penguasaan awal membaca bacaan teks tulisan Arab Melayu yang sedia ada dikalangan murid-murid sekolah rendah?
2. Apakah faktor yang membolehkan murid sekolah rendah membaca bacaan teks tulisan Arab Melayu?
3. Bagaimanakah kaedah pembelajaran tulisan Arab Melayu (aspek membaca) dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran biasa?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pencapaian murid antara kumpulan rawatan dan kawalan?
5. Bagaimanakah penguasaan membaca bacaan tulisan Arab Melayu bersadarkan katagori antara kumpulan rawatan dan kawalan?
6. Bagaimanakah aktiviti murid belajar membaca bacaan tulisan Arab Melayu dengan menggunakan pendekatan *Quantum Learning?*
7. Bagaimanakah Kerangka Panduan Pembelajaran Tulisan Arab Melayu Berdasarkan Pendekatan *Quantum Learning?*

## 1.6 Hipotesis Nol

Dalam kajian ini hipotesis nol telah dibentuk oleh peneliti bagi membantu dalam membuat penjelasan terhadap keputusan kajian yang berkaitan dengan persoalan kajian. Hipotesis nul kajian yang dibuat adalah seperti berikut;

$Ho_1$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbezaan min ujian POS pencapaian murid di antara kumpulan rawatan dan kawalan.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada berbagai pihak yang terlibat iaitu ; pertama bagi murid, guru, pihak Departemen Pendidikan Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia.

**Murid**

- Murid mendapatkan kemudahan dan peluang pembelajaran dengan pelbagai kaedah dalam belajar tulisan Arab Melayu dan tidak hanya didedahkan dengan satu kaedah sahaja.
- Pendedahan kepada teknik hafalan (mnemonik akrostik) akan dapat menyediakan murid untuk cepat mengingat simbol huruf.
- Dengan mengoptimumkan modaliti otak masing-masing, kepercayaan diri dalam belajar dapat dipertingkatkan.

**Guru**

- Untuk berfikir bagaimana memili kaedah pengajaran yang sesuai mengikut perbezaan individu murid dan dapat mengekalkan minat murid.
- Membantu guru dalam memudahkan murid cepat mengingat tulisan Arab Melayu yang mengambil kira faktor perbezaan.

**Departemen Pendidikan Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia**

- Dapat menambah bahan pengajaran berupa modul pembelajaraan tulisan Arab Melayu yang berazaskan modaliti otak murid di peringkat sekolah rendah.
- Pembelajaran tulisan Arab Melayu merupakan khazanah budaya yang melengkapi kearifan budaya tempatan.

## 1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan hanya menumpu kepada menentukan keberkesanan penggunaan pendekatan *Quantum Learning* dalam membantu meningkatkan pencapaian mata pelajaran tulisan Arab Melayu (aspek membaca) dalam kalangan murid darjah V (lima). Mata pelajaran ini dipilih kerana ia banyak mengandungi isi kandungan nilai-nilai budi pekerti dan bahan pengajaran menggunakan tulisan hijaiah. Ia memerlukan penerangan yang lebih jelas kepada murid.

Ujian pra dan ujian post dijalankan dengan melibatkan kumpulan murid yang pembelajarannya menggunakan quantum learning (kumpulan rawatan) dan pembelajaran secara konventional (kumpulan kawalan). Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah murid murid darjah V (lima). Peneliti telah menetapkan 2 buah sekolah satu atap meliputi Sekolah Dasar Negeri 001 Teluk Bintan dan Sekolah Dasar Negeri 005 Gunung Kijang di Kabupaten Bintan Provinsi Kepulauan Riau sahaja sebagai lokasi penyelidikan.

Pengkaji juga ingin melihat aktiviti yang wujud semasa pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Hasil dapatan daripada kajian ini hanya akan mewakili pelajar dan guru-guru yang mengajar mata pelajaran tulisan Arab Melayu ditempat yang dikaji.

## 1.9 Kerangka Teori Kajian

Teori pembelajaran konstruktif yang dicadangkan oleh Piaget (1969), merupakan cerminan pembelajaran *Quantum*. Teori ini berkembang dari teori perkembangan kognitif yang tertumpu pada satu proses ingatan di dalam minda dan proses-proses penyimpanan dengan membandingkan maklumat baru dengan pemahamannya yang sedia ada menjadikan proses pembelajaran itu berlaku. Jelasnya untuk memahami dan mengingat sesuatu maklumat, ia mesti dihubungkait- kan dengan skema yang diwakili secara mental dan menginteraksikannya dengan dunia nyata (Roschelle *et al*, 2000). Oleh itu bagi meningkatkan pembelajaran tulisan Arab Melayu (aspek membaca) di kalangan murid-murid di sekolah rendah hendaklah terus dimasukkan dalam ingatan jangka panjang. Ingatan jangka panjang adalah ingatan yang tiada hadnya.




**Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian**

Model *Quantum Learning* (DePorter, 1999) akan menjadi panduan dalam pembelajaran tulisan Arab Melayu (aspek membaca) kerana ianya suatu cara yang bersistem untuk dapat mencapai matlamat yang diinginkan. *Quantum Learning* dengan suggestologi teknik pemercepatan belajar (Georgi Lozanov, 1978) Modaliti Otak (NLP Grinder & Bandler, 1970) dan teknik memperkuat hafalan/ teknik simbol (Lorayne & Lucas, 1994).

Sementara itu, persekitaran yang nyaman dan menyenangkan dan memberi saranan positif maupun negatif yang dapat membangun minat yang akan mempengaruhi pencapaian pembelajaran diambil kira dalam pembelajaran tulisan Arab Melayu, kerana isi kandungan yang kompleks dan sukar difahami dapat disampaikan kepada murid dalam suasana pembelajaran yang ringkas tetapi menarik (Megat Aman Zahiri dan Norliah, 2005). Pembelajaran berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan (Dick & Reiser, 1989).

Dalam memproses maklumat terdapat tiga macam gaya belajar yang dimiliki murid iaitu : visual, audio dan kinestik (DePorter, 2000). Hal ini sejalan dengan

penyataan *Tim Power Brain* Indonesia bahawa dalam hal menerima, menyimpan dan mengingat kembali maklumat dimana murid mengunakan tiga gaya belajar iaitu ; visual, yang mana ia akan secara optimum menyimpan maklumat melalui dari yang dibacanya/dilihatnya; auditorik, di mana maklumat yang masuk melalui apa yang didengarnya akan disimpan secara optimum; dan kinestetik, di mana ia akan sangat senang dan cepat mengerti bila informasi yang harus disimpannya terlebih dahulu "dicontohkan" atau ia membayangkan orang lain tersebut melakukan hal tadi (http://www.medikaholistik.com).

Murid-murid mempunyai minat dan strategi yang tersendiri dalam memperoleh kemahiran membaca (Naimah *et al*, 2011). Bagi menyediakan murid murid untuk mengingat dengan mudah membaca tulisan Arab Melayu mengunakan dengan cara mengingat gambar visual yang ditandai dengan simbol-simbol. Teknik ini adalah teknik hafalan merupakan salah satu teknik menghafal yang dikembangkan dalam "*Quantum Learning* " ( Deporter, 1999) atau dikenali dengan teknik mnemonic akrostik yang penerapannya melalui perkaitan antara visual dengan huruf bercetak atau simbol yang ada dipersekitaran mereka. Teknik ini menekankan untuk memudahkan mengingat dan merangsang minda menyimpan maklumat untuk selama-lamanya dengan mengambil huruf-huruf pertama yang boleh membentuk semula perkataan atau kalimat awal. Misalnya warna-warna pelangi muda diingat dengan perkataaan VIBGYOR (Violet, Indigo, Blue, Green, Yellow, Orange, Red) .

## 1.10 Kerangka Konsep Kajian




**Rajah1.2** Kerangka Konsep Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, ada beberapa perkara perlu diambil kira.

Kerangka konsep kajian dapat menjelaskan dan meramal sesuatu fenomena secara sistematik (Wiersma, 2000). Disamping itu kerangka konsep dapat menunjukkan arah tuju dan panduan kepada penyelidik semasa penyelidikan (Hatta, 2001).

Guru dalam penyampaian pembelajaran tulisan Arab Melayu masih menggunakan kaedah pengajaran berasaskan pendekatan tradisional, dimana kaedah ini hanya menekankan kepada satu strategi pengajaran dalam bentuk penjelasan dan penuturan secara lisan yang dikenal juga dengan kaedah ceramah (Sugandi, 2004) semakin kurang sesuai dengan keperluan murid-murid masa kini (William, 1997). Pedagogi tradisional lebih menumpukan pengajaran dan pembelajaran kepada guru atau teacher centred sehingga murid pasif, dan hanya menerima apa yang diberikan guru mengakibatkan murid menjadi bosan dan tidak menghargai pengetahuan mengenai tulisan Arab Melayu. Hal ini sejalan dengan pendapat Slameto (1988) bahawa salah satu yang mempengaruhi minat murid dalam belajar adalah kaedah mengajar. Kaedah mengajar guru yang kurang baik akan mempengaruhi pencapaian belajar murid.

Penjelasan sahaja tidak akan membuat murid mampu mempertahankan ilmu yang didapatnya dalam waktu lama. Belajar juga memerlukan suasana yang nyaman dan menyeronokkan, ini akan menimbulkan minat dan keaktifan murid itu sendiri agar murid murid akan benar-benar dapat memahami apa yang dipelajarinya dan disimpan dalam waktu yang lama, selain itu juga dapat menghasilkan hasil belajar yang maksimal. Oleh itu guru hendaklah mengggantikan kaedah konvensional dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif (Shacar dan Newman, 2010), satu kaedah pembelajaran yang lebih menarik perlulah diperkenalkan (Rosenshine, 1999 & Wiske, 1998) yang memudahkan murid dalam mempelajari tulisan Arab Melayu.

